



**ABD. HAMID MAJID** (depan, kiri) menyerahkan sebatang anak pokok kepada **Arman A. Rahim** (depan, kanan) sempena Program Inisiatif Hijau '1 Kehidupan 1 Tanggungjawab' di Rimbunan Cendekia UMP Pekan, baru-baru ini.

## Eksekutif UMP jayakan inisiatif hijau

**KUANTAN 30 Jan.** - Seramai 50 warga kerja **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** yang terdiri daripada pegawai eksekutif universiti tersebut telah menjayakan program inisiatif hijau '1 Kehidupan 1 Tanggungjawab' di Rimbunan Cendekia UMP Pekan, dekat sini baru-baru ini.

Program anjuran Persatuan Pegawai Tadbir dan Iktisas (PPTI) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Korporat dan Kualiti (JHKK) UMP itu menyaksikan para peserta bergotong-royong menanam 100 anak pokok pelbagai jenis dan spesies termasuk

pokok Kelat Paya Hitam, Kayu Manis, Merawan Siput Jantan dan Keruing Neram.

Ketua Pegawai Operasi UMP, Abd. Hamid Majid berkata, peng-anjuran program seumpama itu wajar dicontohi kerana ia menunjukkan semangat muafakat apabila warga universiti berkenaan berganding bahu menjayakan program inisiatif penghijauan kampus.

"Program ini juga menyumbang kepada penarafan UI-Green Metric World University Ranking yang sedang dijalankan UMP. Ia dapat memberi kesedaran dalam

diri pegawai tentang pentingnya memulihara alam sekitar dengan menanam pokok bagi tujuan pengudaraan yang lebih bersih dan segar selain mengenali jenis-jenis pokok yang ditanam," katanya ketika merasmikan program tersebut.

Menurut Abd. Hamid, persekitaran UMP Pekan kini lebih indah dengan pokok-pokok yang semakin membesar dan diseri-kan dengan kewujudan tasik yang perlu dikekalkan menerusi tanggungjawab bersama antara warga UMP.

Katanya, pelbagai usaha dari-

pada warga UMP dan dibimbing oleh Unit Lanskap UMP menunjukkan komitmen universiti tersebut untuk terus melestarikan kehijauan kampus.

"Keindahan kampus merupakan salah satu komponen yang dapat menarik minat orang ramai untuk memilih universiti ini untuk menyambung pengajian," ujarnya.

Sementara itu, Presiden PPTI, Arman A. Rahim memberitahu, pihaknya berbangga dengan usaha dan komitmen dalam kalangan staf UMP yang menjayakan program tersebut secara sukarela.